

## **SEJARAH RINGKAS ISLAM**

Siti Aspalaili Moham Sharif  
Liew Inn Wei  
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

### Suggested Citation:

Moham Sharif, S. A., Wei, L. I., & Jasmi, K. A.(2012). Sejarah Ringkas Islam in *Prosiding Seminar Tamadun 2012* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 21 April 2012, pp. 229-246. ISBN 978-967-0194-19-6.

### Abstrak

Penyebaran Islam bermula sejak dari Nabi Muhammad s.a.w. sehingga ke hari ini. Islam yang mempunyai ciri-ciri yang indah merupakan salah satu punca ajaran ini mudah diterima oleh sesebuah masyarakat. Antara contoh kerajaan Islam yang berkembang dengan jayanya adalah Kerajaan Umayyah, Uthmaniyah, Abbasiyah dan banyak lagi. Kegigihan pemimpin yang terdahulu dalam mempertahankan dan menyebarkan Islam haruslah dicontohi oleh masyarakat kita. Mereka sanggup bergadai nyawa dan harta demi mempertahankan islam. Hasilnya Islam dapat disebarluaskan sehingga ke setiap pelosok dunia. Namun pada era globalisasi ini, pelbagai cabaran harus diharungi oleh penganut yang beragama Islam. Sebagai contoh, prinsip kebebasan yang diagung-agungkan oleh Barat untuk mempengaruhi minda anak-anak muda yang mudah terpengaruh. Realitinya, kuasa politik, keselamatan dan mentaliti negara-negara Islam sentiasa diancam oleh kuasa-kuasa Barat. Lantaran itu tercetusnya ketegangan disebabkan perbezaan pendapat dan praktis yang berbeza. Walaupun hal ini mengakibatkan pergolakan dalam dunia Islam, namun Tamadun Islam berdiri teguh, dan sentiasa wujud dengan identitinya yang tersendiri dimana penganutnya mampu tersebar dari Timur ke Barat tanpa mengira warna kulit dan bangsa.

---

# **SEJARAH RINGKAS ISLAM**

**Siti Aspalaili Mohamad Sharif  
Liew Inn Wei  
Kamarul Azmi Jasmi**

## **ABSTRAK**

*Penyebaran Islam bermula sejak dari Nabi Muhammad s.a.w. sehingga ke hari ini. Islam yang mempunyai ciri-ciri yang indah merupakan salah satu punca ajaran ini mudah diterima oleh sesebuah masyarakat. Antara contoh kerajaan Islam yang berkembang dengan jayanya adalah Kerajaan Umayyah, Uthmaniyah, Abbasiyah dan banyak lagi. Kegigihan pemimpin yang terdahulu dalam mempertahankan dan menyebarkan Islam haruslah dicontohi oleh masyarakat kita. Mereka sanggup bergadai nyawa dan harta demi mempertahankan islam. Hasilnya Islam dapat disebarluaskan sehingga ke setiap pelosok dunia. Namun pada era globalisasi ini, pelbagai cabaran harus dihadungi oleh penganut yang beragama Islam. Sebagai contoh, prinsip kebebasan yang diajung-agungkan oleh Barat untuk mempengaruhi minda anak-anak muda yang mudah terpengaruh. Realitinya, kuasa politik, keselamatan dan mentaliti negara-negara Islam sentiasa diancam oleh kuasa-kuasa Barat. Lantaran itu tercetusnya ketegangan disebabkan perbezaan pendapat dan praktis yang berbeza. Walaupun hal ini mengakibatkan pergolakan dalam dunia Islam, namun Tamadun Islam berdiri teguh, dan sentiasa wujud dengan identitinya yang tersendiri dimana penganutnya mampu tersebar dari Timur ke Barat tanpa mengira warna kulit dan bangsa.*

## **PENGENALAN**

Penyebaran agama Islam bermula sejak dari Nabi Muhammad s.a.w. sehingga ke hari ini. Islam dapat disebarluaskan melalui penaklukan

---

sesebuah Negara oleh kerajaan Islam yang teguh, perkahwinan antara Islam dan bukan Islam serta agama Islam itu sendiri yang mempunyai ciri-ciri keindahan yang dapat menarik minat sesetengah pihak untuk menganut agama Islam. Bermula dengan wahyu yang diterima oleh Nabi Muhammad ketika berumur 40 tahun, kemudian Islam dapat disebarluaskan secara perlahan-lahan, dan dalam tempoh beberapa tahun, pengaruhnya terus meningkat sehingga ke hari ini. Setelah kematian Nabi Muhammad, penyebaran Islam disambung oleh empat Khalifah al-Rasyidin, iaitu Abu Bakar as-siddiq, Umar al-Khattab, Uthman bin Affan dan diakhiri oleh Ali bin Abi Talib. Kemudian, Islam membina empayar yang dikenali sebagai Kerajaan Umaiyyah yang diasaskan oleh Muawiyah bin Abu Sufian selepas berakhirnya pemerintahan Ali. Kerajaan Bani Umaiyyah mampu mentadbir bermula dari Asia Tengah sehingga ke Sepanyol dan Perancis. Selepas kejatuhan Kerajaan Umaiyyah, muncul Kerajaan Abbasiyah yang dikenali sebagai Tamadun Islam Klasik. Islam terus disebarluaskan dengan penaklukan Mongol dan seterusnya Kerajaan Uthmaniyyah. Islam terus tersebar sehingga ke Mesir, Syria, Afrika, Asia tenggara dan China. Pengaruh Islam dapat dilihat di setiap pelosok dunia sebagai contoh Sepanyol, China dan pelbagai lagi. Budaya Islam juga mempengaruhi sesetengah kaum di dunia ini.

## **ISLAM DIAWAL PERKEMBANGAN**

Islam ialah salah satu agama yang berorientasi dari Timur Tengah selepas Yahudi dan Kristian. Ianya diisyiharkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. di Negara Arab pada kurun ke tujuh. Perkataan Islam berasal dari bahasa Arab yang bermaksud ‘berserah’ yang merupakan asas agama itu sendiri (Leeming D. A, et. al., 2010).

Sejarah Islam bermula dengan kelahiran seorang nabi dan juga rasul yang terakhir kepada umat Islam sejagat. Dilahirkan pada hari Isnin dua belas rabiulawal tahun gajah, di Mekah al-Mukarramah (Tariq Ramadan, 2007).

Baginda diberikan nama Muhammad oleh datuknya, Abdul Mutallib kerana berharap cucunya menjadi orang yang terpuji di langit pada sisi Allah, dan terpuji di bumi pada sisi makhluk-Nya. Rasul yang

terakhir ini dilahirkan dalam keluarga yang mulia, iaitu Banu Hashim yang disegani oleh hampir semua puak dan sekitar Mekah. Ayahnya, Abdullah meninggal dunia dalam perjalanan ke Yathrib, ketika beliau berusia dua bulan dalam kandungan ibunya Aminah. Setelah Baginda berusia enam tahun, ibunya pula meninggal dunia, dan ketika berusia lapan tahun, datuknya juga meninggal dunia. Setelah itu, Baginda diasuh dan dibesarkan oleh bapa saudaranya iaitu Abu Talib. Berkahwin dengan Siti Khadijah dan dikurniakan enam orang cahaya mata, iaitu, al-Qasim, Zainab, Abdullah, Ruqayyah, Ummu Kalsum dan Fatimah. Ketika Baginda berusia empat puluh tahun, Baginda menerima wahyu yang pertama, ketika sedang bertafakur di gua Hira, pada bulan Ramadan pada tahun 610. Baginda mendengar suara yang memanggilnya dan mengucap salam kepadanya: “*As-salamu alayka ya rasulullah*” “selamat sejahtera ke atas kamu, pesuruh Allah.” Baginda mencari arah datangnya suara tersebut. Kemudian malaikat Jibril datang kearahnya lalu berkata: “*Bacalah!*” Lalu Nabi menjawab: “*Saya tidak tahu membaca.*” Kemudian malaikat Jibril mendekatinya lalu memegangnya dengan erat seraya berkata: “*Bacalah!*”. Lantas Baginda menjawab: “*Saya tidak tahu membaca*”. Dan kemudiannya, malaikat Jibril memegang-Nya dengan erat sehingga hampir mencekiknya, mengajukan ayat yang sama, dan Nabi tetap menjawab bahawa Baginda tidak tahu membaca (Abdul Waheed Khan, 2002). Maka malaikat Jibril membaca: *Bacalah dengan nama Tuhanmu, yang menciptakan sekalian umat dengan segumpal darah. Bacalah! Tuhan adalah yang paling pemurah, yang mengajar melalui mata pena. Dia mengajar manusia apa yang mereka tidak tahu* (surah *al-Alaq*, 96:1-5).

Antara orang terawal yang memeluk Islam ialah isteri Baginda sendiri, iaitu Siti Khadijah, termasuk kaum keluarganya yang terdekat, seterusnya ialah rakananya, Ali Bin Abi Talib, iaitu anak saudara di bawah jagaanya yang masih muda serta, Zaid, anak angkatnya, ummu Aiman, penjaganya setelah Baginda pulang ke Mekah ketika berusia empat tahun, serta Abu Bakar, rakan akrabnya adalah orang-orang yang percaya kepada kebenaran ajaran tersebut (Tariq Ramadan, 2007).

Setelah tiga tahun berlalu, pada suatu hari malaikat Jibril datang ke arah Baginda dan menyuruhnya membuat panggilan kepada masyarakat. Nabi memahami bahawa Baginda harus meyakinkan ajaran yang

dibawanya kepada puak-puak yang mempunyai pertalian keluarga dengannya. Baginda menyeru mereka kearah ajaran Islam yang benar. Pada suatu hari Baginda mendaki Gunung Safa dan memanggil ketua puak satu per satu untuk menyeru mereka untuk memeluk Islam, kerana Islam adalah ajaran yang benar. Namun seruannya tidak diendahkan oleh kebanyakan mereka, termasuk bapa saudaranya sendiri Abu Lahab. Kemudian Baginda secara rahsia berjumpa dengan rakannya di sebuah rumah berdekatan dengan Bukit Safa. Mereka bersembahyang bersama-sama dan Baginda mengajar mereka tentang ajaran Islam. Pemimpin Quraisy sangat risau akan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. kerana mengakibatkan perpecahan masyarakat Mekah dan akhirnya Umar al-Khattab mengambil keputusan untuk membunuh Baginda. Namun, Umar memeluk Islam kerana jatuh hati selepas membaca ayat al-Quran yang terlalu indah. Baginda merasakan bahawa ayat al-Quran tersebut merupakan ayat yang paling indah yang pernah dibaca. Penyebaran Islam ditentang hebat oleh kaum Quraisy. Akan tetapi Islam terus teguh berdiri walaupun kerap menerima layanan yang buruk oleh kaum Quraisy. Setelah beberapa tahun, Siti Khadijah lemah kerana melalui susah payah dan jatuh sakit lantas meninggal dunia (Seyyed Hossein Nasr, 2003).

PengHijrahan Nabi Muhammad s.a.w. beramai-ramai dari Mekah ke Madinah pada 22 September 622, merupakan salah satu titik tolak bermulanya Era baru dan Kalendar Islam, iaitu Hijrah. Di Madinah Baginda dapat menyebarkan Islam dengan jayanya. Masjid Quba adalah masjid pertama yang dibina (Armstrong K., 2000).

Peperangan Badar tercetus pada bulan Ramadan apabila Nabi Muhammad s.a.w. mengizinkan umat Islam menyerang pemimpin Quraisy, Abu Sufian yang pada ketika itu sedang dalam perjalanan pulang ke Mekah dari Syria yang membawa karavan yang mengandungi banyak barang berharga. Abu Sufian mendengar rancangan umat Islam lalu menghantar berita terhadap kaum Quraisy di Mekah, memberitahu bahawa karavan yang dibawanya dalam keadaan bahaya. Kemudian hampir semua kaum Quraisy datang untuk mempertahankan karavan tersebut. Tetapi keadaan berubah apabila peperangan bukan lagi untuk membuat serbuan ke atas karavan tersebut akan tetapi, untuk bertarung

memerangi kaum Quraisy. Kaum Quraisy dapat dikalahkan dengan semangat juang tentera Islam yang tinggi (Armstrong K., 2000).

Setahun kemudian, selepas Perang Badar, perang Uhud berlaku di mana masyarakat Mekah menyerang Madinah semula, dan kali ini dengan persiapan yang lebih, iaitu, Kontinjennya dianggotai oleh tiga ribu tentera lelaki. Baginda Rasullallah s.a.w. pada mulanya berhasrat untuk mempertahankan Madinah tetapi hasratnya itu dihalang oleh Abdullah Ibnu Ubayy, seorang pemimpin Madinah yang membenci Rasulullah s.a.w. kerana kehilangan kuasa dan pengaruhnya setelah kewujudan Rasulullah s.a.w. di Madinah. Rasulullah s.a.w. menggunakan strategi peperangan yang berkesan, iaitu Baginda menyuruh sekumpulan tentera memanah yang terdiri daripada 50 orang untuk berselindung di sebalik Bukit Uhud dengan harapan mereka tidak akan meninggalkan posisi masing-masing. Namun malangnya, arahan Baginda diingkari oleh beberapa orang tentera memanah yang meninggalkan posisi masing-masing, kerana mahu mengutip harta perang yang bertaburan dimana ini sangat bertentangan dengan arahan Nabi. Kesannya, Nabi tercedera manakala Hamza dan beberapa orang pengikutnya meninggal dunia serta mengakibatkan musuh bolos di tangan pihak tentera Islam. Lima tahun selepas Hijrah, musuh Islam sekali lagi mahu menghancurkan Islam. Atas nasihat Salmaan al-Farisi, beliau memerintahkan agar lubang yang dalam dan besar digali dihadapan kota untuk menyekat musuh. Apabila musuh sampai berdekatan dengan lubang yang digali, mereka tidak mampu untuk menyeberang lubang tersebut, dan akhirnya hanya mampu memanah pengikut Rasulullah s.a.w. dari jauh. Disebabkan lubang tersebut musuh menjadi marah dan tertekan. Setelah dua minggu menunggu, angin kencang melanda selama tiga hari tiga malam. Akhirnya, kaum Quraisy mengambil keputusan untuk pulang ke Mekah.

Tahun keenam selepas Hijrah, Nabi bermimpi bahawa beliau menunaikan Haji, lalu mengambil keputusan untuk menunaikan Haji pada tahun yang sama. Namun rombongannya yang terdiri daripada penduduk Madinah disekat masuk oleh kaum Quraisy, maka termeterailah Perjanjian Hudaibiyah.

Tahun ketujuh selepas Hijrah penduduk Mekah melanggar perjanjian Hudaibiyah yang dimeterai dengan persetujuan kedua belah

pihak. Setahun kemudian, Mekah dipengaruhi oleh Islam dan hampir kesemua penduduknya memeluk Islam.

Selepas kepulangannya ke Madinah, Baginda jatuh sakit. Keadaan bertambah teruk apabila Baginda tidak sedarkan diri. Pada hari kewafatan Baginda, Baginda pergi ke masjid untuk menunaikan solat. Selepas solat Baginda pulang kerumah lalu wafat pada hari yang sama. Baginda wafat pada umur enam puluh tahun, hari Isnin, dua belas Rabiulawal, tahun kesepuluh selepas Hijrah. Baginda kemudiannya dimakamkan di Madinah, iaitu di dalam rumahnya dan pada tempat yang sama di mana, Baginda menghembuskan nafasnya yang terakhir (Abdul Waheed Khan, 2002).

## SISTEM KHULAF'A AL-RASYIDIN

Khalifah bererti orang yang memegang jawatan sebagai ketua dalam sesebuah negara, yang menjalankan pentadbiran Negara tersebut. Khulafak al-Rasyidin merujuk kepada empat orang khalifah utama yang memegang jawatan sebagai ketua Negara setelah kewafatan Rasulullah S.A.W., iaitu Khalifah Abu Bakar As-Siddiq, Khalifah Umar al-Khattab, Khalifah Usman bin Affan dan Khalifah Ali bin Abi Talib.

### **Khalifah Abu bakar As-Siddiq**

Nama sebenar beliau adalah Abdullah Bin Abi Quhafah. Beliau merupakan antara orang terawal memeluk Islam dan mengakui kebenaran Nabi Muhammad dalam peristiwa Israk Mikraj, oleh yang demikian beliau mendapat gelaran al-Siddiq kerana sentiasa membenarkan kata-kata Rasulullah s.a.w. Berkhidmat dari 11/632 sehingga 13/634, beliau merupakan khalifah yang pertama dalam sistem khulafak al-Rasyidin. Merupakan seorang yang menjaga kesucian Islam dan bertakwa kepada ajaran Islam. Sistem politik dilaksanakan melalui pertimbangan agama walaupun bertentangan dengan sistem kehakiman. Khalifah Abu Bakar juga memerangi golongan murtad, iaitu golongan yang mengakui bahawa mereka adalah nabi dan memerangi golongan yang enggan membayar zakat. Dalam pada masa yang sama, beliau menggerakkan

tentera Usamah bin Zaid untuk memerangi penduduk Ghassan yang membunuh utusan Nabi Muhammad s.a.w. Menjadi khalifah selama dua tahun namun ketika pemerintahannya, beliau ditentang oleh suku kaum Arab yang mengancam untuk memecahkan politik yang lama dijalankan mengikut pemerintahan Nabi Muhammad s.a.w. Ketika zaman pemerintahannya, khalifah Abu Bakar menyekat kebangkitan puak Arab, bagi memelihara perpaduan politik yang baru ditubuhkan bertempat di Madinah. Pada 23 Jamadilakhir tahun 13 Hijrah beliau wafat dan dimakamkan berhampiran dengan makam Rasulullah s.a.w. (Ibn Kateer, *et. al.*, 2001).

### **Khalifah Umar al-Khattab**

Khalifah al-Rasyidin yang kedua ialah Khalifah Umar al-Khattab. Nama sebenar beliau ialah Umar Bin al-Khattab bin Naufal. Menerajui kerajaan bermula pada 13/634 sehingga 23/644. Beliau menerajui mengikut jejak khalifah Abu Bakar, dan menitikberatkan perpaduan dalam Negara Islam. Menjadi khalifah melalui wasiat Abu Bakar yang dibuat sebelum beliau meninggal dunia bagi mengelakkan perpecahan di antara umat Islam. Tambahan pula, pelantikannya untuk menjadi khalifah dipersetujui oleh seluruh umat Islam. Semasa pemerintahannya, umat Islam mampu menawan Baitulmaqdis, dimana Umar menunjukkan penghormatan yang tinggi kepada rumah ibadat Kristian dan Yahudi. Antara sumbangan ketika zaman pemerintahannya, ialah mengembangkan Islam di negara Parsi, Syria dan Afrika utara. Kebanyakan ahli sunni menyatakan bahawa pemerintahan Khalifah Umar adalah yang paling berjaya diantara empat orang khalifah al-Rasyidin. Pemerintahannya mampu menubuhkan banyak amalan pentadbiran dan institusi yang menjadi ciri kekal masyarakat Islam sehingga ke hari ini (Ibn Kateer, *et. al.*, 2001).

### **Khalifah Ali bin Abi Talib**

Memerintah dari 35/656 sehingga 40/661, menghadapi perbalahan sivil dan juga perperangan dalam pelbagai aspek. Pengikutnya, (syiah) memerangi pihak Quraisy, dalam pada masa yang sama memerangi sahabat Rasullallah, iaitu, Talhah dan Zubair yang bergabung dengan

isteri Nabi Muhammad, iaitu Aishah memenangi kedua-dua perang tersebut. Majoriti pengikut Ali berada di Iraq, oleh yang demikian beliau mengambil keputusan untuk berpindah ke Kufah dan disana beliau mengambil keputusan untuk berkonfrontasi di antara warga Syria-muawiyah yang enggan memberi kesetiaan terhadap Ali (Newby G, 2002). Akhirnya, perang Siffin tercetus pada tahun 36/657, yang membawa kemenangan terhadap Ali. Namun, pemerintahan Ali berakhir apabila beliau dibunuh oleh sekumpulan pihak yang menentang prinsip awal Islam. Maka, berakhirlah sistem pemerintahan Khulafak al-Rasyidin (Ibn Katheer, *et. al.*, 2001).

## **PERKEMBANGAN ISLAM PERINGKAT PERTENGAHAN**

Setelah berakhirnya sistem pemerintahan Khulafak al-Rasyidin, munculnya kerajaan Islam untuk menyebarkan Islam. Antara kerajaan Islam yang terbentuk ialah Kerajaan Bani Umayyah, Kerajaan Abbasiyah dan Kerajaan Saljuk.

### **Kerajaan Abbasiyah**

Kerajaan Abbasiyah dikenali sebagai Tamadun Islam Klasik. Menyambung legasi Umayyah untuk menguatkan empayar Islam. Bahasa Arab digunakan sebagai bahasa pengantar yang utama dan menjadi bahasa pengantar yang kedua dalam dunia Islam. Kerajaan Abbasiyah mula mencontohi model pemerintahan Parsi untuk mentadbir dengan lebih berjaya. al-Mansur membina Baghdad bermula pada 145/762 berdekatan dengan model purba Sassanid Ctesiphon. Kemudian Baghdad menjadi salah satu pusat kebudayaan yang terbesar dalam dunia Islam.

Pemerintahan Abbasiyah yang terkenal di antaranya ialah Harun al-Rashid al-Mamun, beliau merupakan penaung yang hebat dalam falsafah Islam dan sains. Antara pencapaianannya dalam ilmu agama adalah menubuhkan kanun dalam pengumpulan hadis oleh bukhari. Empayar Kerajaan Abbasiyah runtuh akibat daripada persaingan antara kaum Arab dan Parsi. Khalifah mencari pengawal Turki tetapi digunakan oleh tentera general Turki. Pihak kerajaan gagal mengawal empayar tersebut akibat dari konflik populasi agraria dan penduduk bandar serta konflik yang

dihadapi oleh pegawai tentera dan pentadbir awam, iaitu masalah cukai tanah dan persaingan etika. Pada tahun 334/945 persian buyids menawan Iraq dan khalifah hanya menjadi boneka sahaja untuk menghalalkan kuasa dari tangan mereka (Ruthven M. dan Azim Nanji., 2004).

### **Dinasti Tempatan Sehingga Penaklukan Mongol**

Selain Kerajaan Abbasiyah, terdapat juga dinasti-dinasti kecil daitubuhkan di Persia, Asia Tengah, Transoxia, Saljuk, Mesir, Syria, Afrika Utara dan Sepanyol.

### **Kerajaan Uthmaniyyah**

Uthmaniyyah merupakan kerajaan yang paling kuat di Anatolia di mana pengasasnya ialah suku kaum Turki daripada Parsi selepas penewasan Saljuk oleh Mongolia. Selepas kejatuhan Saljuk, kuasa Turki bangkit semula di Konya, selatan Anatolia. Osmanlis, anak kepada Uthman, selepas mendapat kuasa, menakluk kebanyakannya darat Anatolia dan membentuk ibu pusat kerajaannya di Bursa. Kerajaan ini dikenali sebagai Uthmaniyyah. Pada tahun 758/1357, kerajaan Uthmaniyyah memulakan penaklukan Balkans. Dari 792/1390 ke 91, Bayezid Yildirim berjaya menakluki semua Anatolia.

Namun, Uthmaniyyah ditewaskan oleh Tamerlane. Ia bangkit semula pada tahun 857/1453, dibawah pemerintahan Mehmet II yang berjaya menguasai Constantinople (Istanbul) dan mengakhiri pemerintahan Empayar Byzantine. Pada tahun 923/1517, Sultan Selim meluaskan wilayahnya ke Syria and Mesir manakala Sultan Sulaiman yang terkenal menyerang Hungary pada tahun 932/1526 dan melibatkan Balkan sebagai sebahagian Empayar Uthmaniyyah. Empayar Uthmaniyyah mampu bertahan sehingga abad 13/19 sebelum Perang Dunia Pertama.

Uthmaniyyah mengisytiharkan mereka sebagai khalifah yang meneruskan penjuangan Umaniyyah dan Abbasiyah mahupun mereka merupakan sultan sahaja. Mereka mempertahankan Budaya Islam Sunni. Mereka juga menyokong Sufisme, perintah Mawlawiyyah dan Baktashiyyah (Seyyed Hossein Nasr, 2003).

### **Safavid dan kerajaan Parsi**

Safavid ditubuhkan di bawah panji-panji Safawi, perintahan Sufi dan dua belas imam Shiism. Dengan sokongan puak-puak Turkish, Safavid menakluki Tabriz pada tahun 905/1499 dan berjaya menguasai seluruh Parsi. Untuk melindungi kerajaannya daripada serangan Uthmaniyyah, Safavid mengisytiharkan Shiism sebagai agama negara. Zaman kegemilangan Safavid dicatatkan dengan Isfahan, Bandar yang paling cantik pada masa itu dan ilmu-ilmu falsafah yang tinggi. Selepas itu, kekuatan Safavid mula merosot apabila Safavid melawan Sufism akibat konflik antara ulama Syiah dan Sufism. Akhirnya, Safavid ditewaskan oleh Afghanistan pada tahun 1135/1722.

Pada tahun 1135/1722, Parsi sentiasa diancam oleh Uthmaniyyah dan Russia. Nadir, seorang ketua Safavid, membangkit dan berjaya mengusir Orang Afghanistan dan Uthmaniyyah serta berjaya menguasai Georgia, Shirwan dan Armenia. Beliau mengisytihar sendiri sebagai Raja dan memulakan Dinasti Afshar dan seterusnya menakluki Delhi dan bahagian utara India. Kemudiannya, beliau dibunuh oleh rombongannya.

Di Zands, selatan Parsi, Ahmad Shah Durrani mengisytiharkan kuasa autonomi di Afghanistan. Kejadian ini mengakibatkan pemisahan rasmi Afghanistan daripada Parsi pada abad 13/19.

Pada tahun 1193/1779, Ketua Turkman, Aqa Muhammad Khan Qajar, berjaya menakluki seluruh Parsi bermula dengan penaklukan Tehran dan memulakan Dinasti Qajar yang berakhir pada tahun 1343/1924. Walaupun diancam oleh Russia di bahagian utara dan British di bahagian selatan, Dinasti Qajar mampu mempertahankan kemerdekaannya mahupun tidak sepenuhnya.

Revolusi Perlembagaan pada tahun 1323/1906 berjaya menujuhkan monarki berperlumbaan dan parlimen yang pertama dalam dunia Islam walaupun hanya secara formal. Selepas itu, perebutan kuasa antara shahs dan orang agama sehingga kedatangan Reza Shah yang menujuhkan Dinasti Pahlavi. Namun, konflik antara ulama Syiah dalam negeri tidak berhenti sehingga Revolusi Islam pada tahun 1979 (Seyyed Hossein Nasr, 2003).

### **Moguls**

Agama Islam disebarluaskan ke India melalui Perintah Sufi seperti Christiyyah. Lantaran itu, pemerintahan Islam ditubuhkan ketika kesultanan Delhi. Komuniti Muslim juga didapati di Kashmir, Bengal, dan Deccan. Pada abad 10/16, Babar menubuhkan pemerintahan di utara India dan membina kerajaan Mogul.

Di bawah pemerintahan beberapa pemerintah terkenal seperti Akbar dan Shah Jahan, empayar ini mengalami zaman kegemilangan dalam kebudayaan dan kekayaan sehingga pentadbiran, penganalisa bahasa dan kebudayaan membenarkan asimilasi kebudayaan India dengan budaya tempatan. Kemuncak empayar Moguls juga membina Taj Mahal, salah satu karya agung senibina tempatan serta peningkatan kualiti sufi and muzik. Bahasa Urdu digunakan sebagai bahasa utama di utara India, untuk menyampaikan pemikiran Islam dan sensibiliti orang Muslim. Pada tahun 1118/1707, selepas kematian raja Mogul, Aurangzeb, empayar Mogul mengalami kemerosotan. Faktor lain yang meningkatkan kemerosotan termasuk pencerobohan Nadir Shah Afshar dan Ahmad Shar Durrani, pemberontakan orang Hindu dan pemerintahan kolonial British (Seyyed Hossein Nasr, 2003).

## **ISLAM DI TEMPAT LAIN**

Islam juga turut tersebar di beberapa kawasan lain, iaitu Afrika dan Asia Tenggara.

### **Afrika**

Islam di tempat ini dimulakan ketika pengikut Nabi Muhammad s.a.w. mengambil pelarian di Habsyah dan menyebarkan agama Islam di tempat ini. Namun, sebelum Agama Islam tersebar ke dalam kawasan hutan dan bahagian dalam Afrika dari bahagian timur pada abad 13/19, Islam kekal dalam kawasan pantai sahaja. Kewujudan Agama Islam di Afrika dibuktikan dengan kewujudan penubuhan Muslim yang dijumpai di ibu kota Ghana, yang ditawan oleh Almoravids dan digantikan oleh dinasti tempatan. Pada abad 6/12, kebanyakan orang

Ghana memeluk Islam. Terdapat juga seorang raja yang memerintah Mali, Takrur di Arab, memeluk Islam dan lantaran itu, kerajaan ini menjadi sebuah kerajaan yang mempunyai hubungan rapat dengan pusat Islam di Afrika Utara. Pemerintah Mali yang paling berwibawa ialah Mansa Musa. Beliau berjaya menakluki Timbuktu (Pusat Pengajian Islam) pada abad 8/14 dan SongHay pada abad 9/15 serta membentuk satu kerajaan Islam yang kuat. Penunaian haji Mansa Musa ke Mekah meninggalkan kesan yang mendalam kepada umrah Islam pada zaman ini. Mengikuti Mansa Musa, pemerintah Askiya Muhammad juga menunaikan haji ke Mekah. Beliau menemui seorang ulama Berbers, Muhammad al-Maghili yang mengajar satu bentuk Islam yang menentang pencampuran Islam dengan amalan agama tempatan, menekankan konsep Mujaddid, yang berhubungan rapat dengan Mahdism (Groff P S. dan Leaman O., 2007).

Pada abad 8/14, pendatang dari Mandingo berjaya memyebarluaskan agama Islam di Hausa dan menyebabkan raja-raja dari Kano dan Katsina memeluk Islam. Tidak lama kemudian, Fulani, seorang ulama membawa masuk Islam dan meningkatkan pengaruh Islam di tempat itu. Pada abad 10/16 pula, agama Islam mula menyebar ke Bagirmi dan Waday.

Kerajaan Maghribi yang berminat terhadap Lombong Garam Saharan mengadakan hegemoni di tempat tersebut termasuk Songhay. Namun, ketika ia tidak berminat terhadap lombong tersebut, kerajaan ini meninggalkan beberapa pegawai Turkish Pasha untuk memerintah negeri-negeri kecil yang tertinggal. Di samping peningkatan kuasa Kerajaan Bambara yang tidak dipengaruhi oleh agama Islam, ahli-ahli Mahdi yang lain (sekumpulan orang Afrika timur yang memeluk Islam), mula berpecah ke timur and selatan Atlantik, seterusnya, menyebar Islam ke Guinea and Ivory.

Pada abad 12/18, sebelum penjajahan orang Eropah ke atas Afrika, terdapat pergerakan agama yang intensif di Afrika. Lantaran itu, Negara Islam dibentukan oleh Mahdi. Pada tahun 12/18 pula, Utman dan Fadio yang lahir di Gobir, menakluki bahagian timur Afrika.

Pada abad 13/19 pula, al-Hajj Umar dari Futu Oro mengembara ke Mekah, Madinah dan Baitul Maqdis dan menyertai Perintah Tijaniyah

Sufi. Selepas itu, beliau balik ke Futa Jallon dan mengembara ke Dinguiray dan diisytiharkan jihad pada tahun 1268/1852. Beliau berjuang dengan Bambara dan Perancis dan mengalakkan kemasukan Muslim ke negaranya untuk mengelakkan pemerintahan di bawah orang barat. Beliau dibunuh dalam perjuangan pada tahun 1281/1864 (Seyyed Hossein Nasr, 2003).

Di Sudan atau dikenali sebagai Bilad al-Sudan, ditawan oleh Islam selepas Islam disebarluaskan di timur and tengah Afrika. Nubia yang terletak dekat dengan selatan Mesir menganut Kristian pada peringkat awal. Namun, apabila puak-puak Arab bermigrasi ke tempat ini, pengIslamam terhadap tempat ini bertambah cepat dan akhirnya menjadi Negara Islam pada abad 8/14. Orang Funj pula mengembara ke utara dan menganut Islam serta melengkapkan proses pengIslamam terhadap Nubia dan utara Sudan. Orang Funj yang bertaat setia kepada perintah Sufi akhirnya mendapat kuasa yang tinggi. Pada abad 10/16, Uthmaniyyah mempunyai pengaruh ke atas bahagian tengah Sudan dan menyebabkan kemerosotan kuasa orang Funj pada abad 12/18. Pada abad 13/19, Mesir menguasai Sudan sebelum kedatangan British. Pada tahun 1298/1881, Muhammad Ahmad, mengisytiharkan beliau sebagai Mahdi dan menginginkan penyatuan Sudan dan kerajaan Islam, akhirnya berjaya mengalahkan General Gorgon dan menakluk Khartoum, serta menubuhkan organisasi baru negeri dan agama Islam mendapat pengaruh penting di Sudan.

Di selatan Afrika pula, terdapat rekod bahawa penubuhan Muslim dijumpai sepanjang pantai barat Afrika pada abad 3/9. Kerajaan Islam di sini membayar penghormatan kepada kerajaan Ethiopia yang beragama Kristian, iaitu Zayla dan Mogadishu. Bahasa yang digunakan pada masa itu ialah Swahili. Kerajaan Ethiopia ini dihancur oleh Uthmaniyyah dan orang Portugis pada abad 10/16. Kemusnahan kerajaan Ethiopia membawa kepada kebangkitan Ahmad Gran yang menubuhkan pemerintahan Islam. Kuasa Islam merosot ketika kematian Gran.

Walaupun kuasa Islam di tempat tersebut tidak lagi kuat, namun penyebaran agama Islam tidak pernah dihenti mahupun diganggu di Afrika (Seyyed Hossein Nasr, 2003).

### **Asia Tenggara**

Kebanyakan penduduk yang memeluk Islam di Asia Tenggara ialah orang Melayu. Islam disebarluaskan dalam kalangan orang Melayu pada abad 17/13, melalui perkahwinan antara keluarga perintah di Hadramaut dan Teluk Parsi dan keluarga Diraja Melayu yang membawa kepada penukaran agama ke Islam. Selain itu, orang Muslim China dan Sufi daripada India juga memainkan peranan dan penukaran agama ini. Dengan ini Bahasa Melayu menjadi bahasa pertama agama Islam.

Pada tahun 691/1292, kerajaan Islam di Sumatra, Perlak sudah dikesan oleh Marco Polo ketika beliau dalam perjalanan dari China ke Parsi. Manakala pada tahun 691/1292, mengikut rekod sejarawan China, kedutaan Muslim dihantar dari Sumatra kepada Raja China. Sumatra pula, selepas itu, menjadi sesebuah kerajaan Islam, iaitu Pasai. Kejatuhan kerajaan ini selepas ditakluk oleh orang Portugis turut menyebabkan Islam disebarluaskan ke Melaka yang pada masa itu diperintah oleh Muhammad Iskandar Syah. Penyebaran agama ini mencapai harapannya ketika proses penukaran Melaka kepada Negara Islam yang pada masa itu diperintah oleh Sultan Muzaffar Syah pada tahun 855/1450. Dan Melaka pula menjadi pusat penyebaran agama Islam ke Semenanjung Melayu seperti Terengganu, Kedah, Pahang, dan juga Timur Sumatra. Namun, pada tahun 917/1511, Melaka mengalami kejatuhan selepas ditakluk oleh orang Portugis, dan selepas itu kuasa politik Islam digantikan dengan cara pemerintahan Barat.

Selepas Melaka, Aceh pula menjadi pusat kuasa Islam yang kuat dan berjaya sehingga abad 8/17. Kegemilangan kerajaan ini dicapai di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Muda daripada tahun 1015/1606 sehingga 1046/1637. Selepas itu, kerajaan ini mengalami kemerosotan dan hilang pada akhir abad itu.

Islam juga disebarluaskan ke Filipina, Brunei, Sulu Archipelago, dan Mindanao. Muslim di Filipina dikenali sebagai Moros. Penjumpaan makam pendakwah Islam dan saksi pedagang Parsi, Malik Ibrahim membuktikan kehadiran Islam di Sumatra.

Di samping itu, kuasa kerajaan Majapahit (kerajaan Hindu) mula merosot apabila orang Muslim semakin bertambah. Proses kemerosotan menjadi lebih cepat dengan kedatangan Pendakwah Sufi dari India.

Selepas mengumpul kuasa yang cukup, orang Muslim cuba menyerang orang Portugis dari Melaka tetapi dikalahkan. Namun bagaimanapun, agama Islam berjaya disebarluaskan ke dalam selatan Jawa dengan usaha Kigede Pandan Arang.

Pada abad 9/15, proses pengIslamahan diteruskan ke Maluku, di mana perintah Islam pertama adalah Zany al-Abidin. Kedatangan Portugis yang cuba mengganti Islam dengan agama Kristian adalah gagal.

Pada masa yang sama, Islam juga disebarluaskan ke selatan Borneo dan Pulau Sulawesi. Makasar menjadi pusat untuk menentang kuasa Belanda. Namun dominasi orang Belanda di tempat-tempat tersebut tidak berjaya dihalang. Kini, tempat-tempat tersebut dikenali sebagai Indonesia. Pada abad 13/19, dunia Melayu ditakluk oleh orang Belanda, British dan Sepanyol kecuali Kemboja and Thailand yang diperintah oleh perintah tempatan.

Walaupun dikuasai oleh kuasa barat, agama Islam turut tersebar ke kawasan sekeliling dan mengganti agama Hindu and Buddha. Dari segi bahasa pula, Bahasa Melayu menjadi bahasa pertama Islam dan dilanjutkan kepentingannya melalui sumber kesusteraan daripada Arab dan Parsi. Dari segi budaya pula, amalan agama yang tidak bercanggah dengan agama Islam turut diterap. Contohnya, wayang kulit yang disukai oleh banyak orang Melayu (Seyyed Hossein Nasr, 2003).

### **China**

Agama Islam mula bertapak di pantai China ketika tempoh pemerintahan Kerajaan Umayyah. Terdapat banyak komuniti Islam yang dijumpai dan menetap di sepanjang pantai. Antara cara kedatangan dan pengenalan agama di China ialah melalui kedatangan pedagang Parsi yang membawa bersama dengan mereka bukan sahaja idea keagamaan tapi juga barang pedagang. Pada masa yang sama pencerobohan orang Mongolia juga meningkatkan hubungan antara orang Parsi dan orang China dan seterusnya membolehkan perkembangan agama di China menjadi lebih mendalam. Ilmu astronomi dan matematik Islam juga pada masa yang sama disebarluaskan ke China.

Seorang penakluk China ketika dinasti China, Kublai Khan, membawa orang Parsi ke dalam pemerintahannya seperti dalam bidang tentera

dan bidang awam. Orang Parsi yang dibawa ke China selepas itu menetap di Yunan dan membentuk komuniti Islam di tempat tersebut. Terdapat juga Muslim yang menjadi menteri kerajaan pada masa itu mahupun selepas itu. Melalui komuniti ini, agama Islam tersebar ke kawasan lain China dan melahirkan budaya Islam dan tulisan sastera yang artistik. Disamping itu, kebanyakan ciri Islam di China menerap budaya orang cina.

Seorang pegawai China yang memerintah sejumlah kapal yang terkenal, Chang Ho, yang menjalankan tugas diplomatik ke Negara-negara sekeliling, laut India dan sehingga Asia Tenggara. Tambahan pula, Dinasti Ming mempunyai belas kasihan terhadap Muslim di China. Manakala Dinasti Ching pada 11/17 masih mengadakan tindakan untuk menentang orang Muslim dan angkatan tenteranya turut mengusir orang Muslim daripada tanah air mereka dan Asia Tengah (Seyyed Hossein Nasr, 2003).

Pada abad 11/17, seorang sejarawan China, Wang Tai Yu, menulis tentang Islam dalam Bahasa Confucian, manakala pada abad 12/18, Wang Liu Chih menginginkan suasana keharmonian antara Islam dan Confucianisme. Pada masa yang sama, seorang Muslim pada masa itu, Nasqhbandi Sufi Minghsin menentang Confucianisme and Chingnat. Namun peristiwa sedih belaku pada abad 13/19. Pemberontakan Muslim mengakibatkan kematian banyak Muslim sehinggalah kehancuran komuniti Islam di Kansu, Tsinghai, dan Yunan. Pada tahun 1294/1877, China Berjaya mengalahkan bahagian timur Turkestan, dan diberi nama baru Sin Kiang. Hari ini, populasi Muslim di China kebanyakannya ialah keturunan orang Oighur dan Turkoman manakala Kashghar menjadi komuniti Islam di China walaupun diseksa oleh komunis China (Clarke P., 1988).

## RUMUSAN

Kebebasan negara-negara Islam pada zaman moden ini tidak bererti kerana kebebasan dan kemerdekaan dari segi fizikal, kebudayaan, ekonomi, dan sosial sahaja. Namun pada realitinya, kuasa politik, keselamatan, dan mentaliti negara-negara Islam sentiasa diancam oleh

kuasa-kuasa Barat. Lantaran itu, ketegangan sentiasa berlaku antara negara-negara Islam dan kuasa barat dan konflik dalaman pula berlaku dalam kebanyakan negara Islam kerana fahaman dan praktis yang berbeza. Ketegangan juga berlaku di antara golongan yang mengikut tradisi dan golongan yang meninggikan kemodenan dalam agama Islam. Semua ketegangan ini sebaliknya membuktikan kepada kita bahawa bukan sahaja agama Islam yang masih wujud, tetapi keseluruhan ketamadunannya. Walaupun kejadian ini mengakibatkan pergolakan dalam dunia Islam dan melemahkan ketamadunan Islam, namun tamadun Islam merupakan sebuah realiti yang sentiasa wujud dengan identitinya di mana penganutnya mampu tersebar dari Timur ke Barat tanpa mengira warna kulit dan bangsa.

## RUJUKAN

- Abdul Waheed Khan. 2002. *The Life of Prohet Muhammad*. Riyadh, Saudi Arabia: International Islamic Publishing House.
- Ibn Kateer, At Tabarin, As-Syooti. 2001. *Biographies of the Rightly Guided Caliphs*.
- Tamir Abu, As-Su'ood Muhammad, Noha Kamal Ed-Din Abu al-Yazid, M. Ibrahim Kamara, Joanne McEwan. El-Mansoura, Egypt: Dar al-Manarah.
- Ruthven M., Azim Nanji. 2004. *Historical Atlas of the Islamic World: Cartographica*.
- Meri J. W. 2006. *Medieval Islam Civilization An Encyclopedia*. Milton Park, Abingdon, Great Britain: Routledge, Taylor & Francis Group.
- Imam Abu Shamah Abd al-Rahman al-Maqdisi. 2005. *Noble Dynasties- The History of Nur Ad-Din & Saladin*. Diselenggara oleh Dr. Muhammad Musa al-Shareef. Cairo, Egypt: Al-Falah Foundation.
- Clarke P. (1988. *The World's Religions-Islam*. London: Routledge
- Groff P. S., Leaman O. 2007. *Islamic Philosophy a-z*. Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd.
- Tariq Ramadan. 2007. *In The Footsteps Of The Prophet*. New York: Oxford University Press.

- Seyyed Hossein Nasr. 2003. *Islam- Religion, History, Civilization*. San Francisco: HarperCollins Publishers Ltd.
- Armstrong K. 2000. *Islam- A Short History*. United States of America: Random House, Inc.
- Newby G. 2002. *A Concise Encyclopedia of Islam*. Oxford, England: Oneworld Publications.
- Safra J. B., Aguilar-Cauz G. 1768. *Britannica Encyclopedia of World Religions*. Great Britain:Merriam Websters, Incorporated.
- Leeming D. A., Madden K., Marlan S. 2010. *Encyclopedia of Psychology and Religion*. New York: Springer.